

## PM ucap selamat maju jaya kepada calon SPM

02 Mac 2022



Para pelajar kelihatan tenang sebelum menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah Kebangsaan (SMK) Tasik Damai di Ipoh, pada Rabu. Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengucapkan selamat maju jaya kepada pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 yang bermula hari ini (Rabu).

Menerusi catatan di laman Facebooknya, Ismail Sabri mahu semua calon peperiksaan melakukan yang terbaik demi masa depan mereka.

"Mulakan dengan doa yang baik-baik agar dipermudahkan menjawab soalan-soalan. Pak Long sayang semua. All the best (selamat berjaya)," katanya.

Peperiksaan SPM yang akan berlangsung hingga 29 Mac ini membabitkan seramai 407,097 calon dengan 50,514 petugas peperiksaan dilantik bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan itu di 3,382 pusat peperiksaan seluruh negara. - Bernama